

**RM501 juta makmurkan masjid dan pendidikan Islam - PM  
Utusan Online  
25 April, 2013**

PEKAN 25 April - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan Pusat memperuntukkan sebanyak RM500.9 juta untuk aktiviti memakmurkan masjid dan pendidikan Islam pada tahun ini.

Menurut Perdana Menteri, antaranya membayar imbuhan imam sebanyak RM128.28 juta melibatkan 14,254 orang, program takmir (RM32.4 juta) serta guru KAFA, RM338.68 juta.

Najib berkata demikian ketika berucap merasmikan Wacana Pembangunan Ummah peringkat negeri di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: : [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20130425/dn\\_19/RM501-juta-makmurkan-masjid-dan-pendidikan-Islam---PM#ixzz2ZtOB3Zol](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130425/dn_19/RM501-juta-makmurkan-masjid-dan-pendidikan-Islam---PM#ixzz2ZtOB3Zol)

© Utusan Melayu (M) Bhd